

# 200 PKS raih peluang projek RM1b

**K**UALA LUMPUR: Ki-  
ra-kira 200 syarikat pe-  
rusahaan kecil dan seder-  
hana (PKS) tempatan ter-  
babit bidang logistik serta  
infrastruktur bakal meraih  
peluang menerusi program  
timbang balas bernilai RM1  
bilion di bawah fasa pertama  
Projek My Rapid Transit  
(MRT) di Lembah Klang.

Presiden dan Ketua Ek-  
sekutif Kumpulan Indus-  
tri-Kerajaan Malaysia bagi  
Teknologi Tinggi (Might),  
Mohd Yusoff Sulaiman ber-  
kata, program dikendalikan  
Mass Rapid Transit Corp  
Sdn Bhd (MRT Corp) bagi

meningkatkan penyertaan  
syarikat tempatan berbasas-  
kan teknologi dalam projek  
Sungai Buloh-Kajang ber-  
nilai RM20 bilion itu.

“Nilai projek timbal balas  
bagi setiap projek MRT ki-  
ra-kira lima peratus dari-  
pada nilai keseluruhan. Mig-  
ht mengenal pasti sembilan  
projek timbal balas untuk  
sektor PKS di bawah fasa  
pertama projek MRT ini.

“Projek timbal balas di-  
berikan keutamaan kepada  
sektor PKS dan setiap pro-  
jek kami melihat lebih da-  
ripada satu penyertaan sya-  
rikat tempatan bekerjasama

dengan pengeluar keleng-  
kapan tulen (OEM) serta  
kontraktor projek infrast-  
ruktur terbesar negara,” ka-  
tanya selepas taklimat Pe-  
luang Perniagaan: Program  
Timbal Balas MRT dan sesi  
padanan perniagaan dian-  
jurkan dengan kerjasama  
MRT Corp dan SME Co-  
poration, semalam.

Hadir sama, Pengerusi  
SME Corp, Datuk Ir Dr Mo-  
hamed Al Amin Abdul Ma-  
jid, Ketua Pegawai Ekseku-  
tifnya, Datuk Hafsah Hashim  
dan Pengarah Perhubungan  
Pemegang Saham MRT Co-  
rp, Haris Fadzilah Hassan.